

"Kita minta kerjasama mereka (koperasi yang stabil) ambil ahli baru, buka keahlian kepada yang baru berminat menyertai aktiviti koperasi"
Abdul Fattah Abdullah

HARIAN METRO

Shahrinnahar Latib
am@hmetro.com.my

Pekan

Koperasi yang stabil dan bersifat nasional diminta membuka keahlian kepada orang ramai yang berminat menjadi ahli mereka.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ada koperasi yang mempunyai nama dilaporkan enggan membuka keahlian mereka dan lebih selesa dengan jumlah keahlian yang ada.

"Kita minta kerjasama mereka (koperasi yang stabil) ambil ahli baru, buka keahlian kepada yang baru berminat menyertai aktiviti koperasi."

"Ini untuk memastikan sasaran menjadikan jumlah ahli koperasi mencecah kira-kira 10 juta menjelang 2020.

Usah tutup pintu

Koperasi stabil digesa tambah keahlian

FAKTA
Sasar 10 juta ahli koperasi menjelang 2020

ABDUL Fattah (tengah) bersama ahli Koperasi Pengetua Sekolah Menengah Cawangan Pahang.

Buat masa ini, kita ada 18,000 koperasi berdaftar dengan ANGKASA dan jumlah ahli kira-kira lapan juta, jadi kalau semua koperasi boleh buka (keahlian), tidak ada masalah untuk capai sasaran itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertama Penubuhan Koperasi Pengetua Sekolah Menengah Cawangan Pahang, di sini, semalam.

Beliau berkata, Koperasi Pengetua Sekolah Menengah Cawangan Pahang yang baru mempunyai 192 ahli terdiri daripada pengetua sekolah dari negeri ini.

"Koperasi ini berbeza dengan koperasi sekolah kerana ia lebih fokus kepada perniagaan manakala koperasi sekolah lebih kepada pendidikan," katanya.

04-08-2017 | **setempat** | **53**

Perpustakaan Koperasi Malaysia